

Kewajipan Jihad...

mesti ini...!”

Adakah dengan kata-kata semangat yang meluap berkobar-kobar tanpa usaha, tanpa bergerak di medan jihad, segala apa yang kita cita-citakan itu akan datang menggolek di hadapan kita? Dari sejak zaman Qur'an diturunkan tiga belas abad yang silam Tuhan telah mengutuk sikap orang-orang yang hanya pandai berkata-kata, tetapi tidak mahu beramal dengan segala apa yang dikatakannya itu. Firman Allah:

“*Yā ayyuhā alladhīna āmanū lima taqūlūna mā lā taf'alūn, kabura maqtan 'inda Allāhi an taqūlū mā lā taf'alūn.*”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan? Besar sekali kutukan Allah, lantaran kamu mengatakan barang sesuatu yang tidak kamu lakukan itu.” (*Sūrat al-Şaff: 2-3*).

Kamu wahai pemimpin-pemimpin Islam! Kamu pandai menyusun kata mengapi-apikan rakyat supaya mereka itu berjuang, berjihad dan bertempur ke medan perjuangan sedang kamu sendiri tidak mahu keluar ke medan perang memimpin mereka, lantaran kamu gentar menghadapi musuh-musuh kamu, kamu takut mendengar bunyi gerincingan senjata, hati perut kamu kecut melihat peluru berterbangan di medan pertempuran. Kamu biarkan sahaja rakyat berperang mati-matian tanpa pimpinan, sedang kamu berada di barisan belakang jadi pemerhati, sedang Islam menuntut supaya kamu sama berjihad di samping rakyat bahu-membahu seperti benteng batu pejal yang tersusun rapi. Seterusnya Allah berfirman:

“*Inna Allāha yuḥibbu alladhīna yuqātīlūna fī sabīlihī şaffan ka annahum bunyānun marşūş*”.

Ertinya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang di jalan-Nya (dengan mengatur) satu barisan

rapat, seolah-olah mereka itu satu binaan yang tersusun rapi.” (*Sūrat al-Şaff: 4*).

Wahai *ikhwān al-Muslimīn!*:

Kalau sudah satu-satu umat itu dikutuki Allah, maka kehinaanlah yang akan menyimpannya di sepanjang zaman. Ini memang sudah nyata berlakunya ke atas kita umat Islam yang hidup menghadapi cabaran zaman dengan hanya membesar-besarkan “cakap” dari “usaha”, mementingkan “perpecahan” dari “perpaduan”. Keadaan kita umat Islam pada hari ini sudah menjadi satu hidangan yang terletak di atas meja musuh kita. Bila-bila masa sahaja mereka akan mencekup hidangan itu untuk memuaskan hawa nafsunya.

Apa yang telah berlaku ke atas umat Islam pada hari ini memang telah diramalkan oleh Rasulullah *şallā Allāhu 'alayhi wa sallam* di dalam satu hadithnya yang bermaksud:

“Akan tiba suatu zaman nanti kamu akan dikelilingi oleh musuh-musuh kamu, seperti para tetamu mengelilingi satu hidangan untuk dikecai-kecaikannya. Lalu seorang sahabat bertanya: ‘Adakah disebabkan bilangan kami pada zaman itu sedikit, wahai Rasulullah? ‘Bahkan, bilangan kamu banyak, tetapi kamu lembik (lemah) seperti buih banjir yang dihanyutkan oleh air akhirnya ia hancur binasa, kehebatan kamu dicabut Allah dari dada kamu dan dilemparkan ke dalam hati-hati kamu kelemahan!’ Seorang sahabat bertanya pula: ‘Apa dia kelemahan yang tuan hamba maksudkan itu wahai Rasulullah? Jawab baginda: ‘Kasihkan dunia dan benci kepada mati’.”

Apa yang telah diramalkan oleh Rasulullah *şallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sejak 13 abad yang silam, benar-benar telah dialami oleh umat Islam pada hari ini. Ini kaum penjajah durjana pencipta “Kerajaan Yahudi” telah berjaya mengkecai-kecaikan (memecah belah) umat Islam

Kewajipan Jihad...

sehingga bumi mereka yang begitu luas dengan mudah mereka cukup, tempat-tempat suci Islam yang terletak di dalamnya mereka nodai dengan sewenang-wenangnya. Di sana terdapat “Perjanjian Setia Kawan Tiga Serangkai” — Kristian, Yahudi dan Komunis — bertujuan untuk menghancurkan Islam. Tetapi Islam tidak akan dapat dihancurkan oleh kekuasaan tangan-tangan besi dari tenaga manusia yang bersifat lemah, lantaran Islam adalah hak kepunyaan Allah yang Maha Kuasa.

Yang pasti hancur ialah orang-orang Islam yang bersifat lemah dan pengecut menghadapi mati di medan jihad, lantaran mereka itu kasihkan dunia, dilalaikan oleh segala nikmat dunia yang lencongan dan palsu itu, sehingga mereka menjadi satu umat yang lemah lantaran hidup berpecah belah dan bernafsu-nafsi. Akibatnya untuk menghadapi serangan-serangan yang dilancarkan oleh suatu bangsa kecil yang baru beberapa tahun sahaja bertapak di dataran bumi pusaka yang ditinggalkan oleh datuk nenek mereka, ini pun mereka tidak berdaya.

Wahai saudara-saudara kaum Muslimin!

Jika keadaan kamu terus-menerus begini, tidak mahu menginsafi kemunduran yang berada di sekeliling masyarakat kamu, tidak mahu menyedari kelemahan yang sedang bertapak di jiwa kamu dan tidak mahu bergerak cergas untuk mengubah nasib buruk yang sedang kamu alami, maka selama itulah kamu akan hidup terhina di mata dunia internasional, sedang Islam tidak reda melihat umatnya melainkan dalam keadaan mulia, kuat, gagah, sanggup mempertahankan setiap inci tanah airnya, sanggup menjaga tempat-tempat suci yang dimilikinya sekalipun dengan mengorbankan jiwa raganya melalui jihad *fi sabilī Allāh*. Dengarlah, apa

kata Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dalam satu hadithnya yang berbunyi:

“*Man riḍā al-dhillatu min nafsihi tā’i’an ghayra mukrahin fa laysa minnā.*”

Maksudnya: “Barang siapa yang reda hidup dalam kehinaan atas kehendak dirinya sendiri dengan tidak digagahi oleh seorang jua pun, maka orang itu bukanlah dari golongan kami.”

Kemudian menungkanlah dengan rasa penuh keinsafan akan seruan Allah yang menegaskan bahawa kemuliaan itu adalah hak Allah, hak rasul-Nya dan hak sekalian orang-orang *Mu’minīn* sebagaimana firman-Nya yang tercatat di dalam *sūrat al-Munāfiqūn* ayat (8):

“*Wa li Allāhi al-‘izzatu wa li rasūlihi wa li al-mu’minīn.*”

Ertinya; “Allah yang mempunyai hak kemuliaan, begitu pula rasul-Nya dan orang-orang *Mu’minīn*.”

Dan firman-Nya lagi dalam *sūrat Muḥammad* ayat (35):

“*Fa lā tahinū wa tad’ū ilā al-salmi wa antumu al-‘awlān, wa Allāhu ma’akum wa lan yatirakum a’mālakum.*”

Ertinya: “Janganlah kamu menjadi lemah dan menyeru kepada perdamaian (disebabkan kerana kelemahan hati kamu menentang musuh), sedang kamu (satu umat) yang tinggi, dan Allah berserta kamu, ia sekali-kali tidak akan menyia-nyiakan segala amalan-amalan kamu.”

Akhir sekali fikirkanlah apa yang telah dikatakan oleh ‘Ubādah bin al-Ṣāmit — seorang sahabat Nabi yang diutus menemui al-Muqawqis Raja Mesir, katanya:

“Di belakang saya yang akan menggantikan tempat saya — setelah saya meninggal dunia kelak — ada seribu lelaki yang terdiri daripada para sahabat, mereka itu semuanya seperti saya. Umur saya sekarang sudah lanjut, tetapi *al-ḥamdulī ‘Lāh*, saya tidak akan gentar berhadapan dengan seratus orang musuh saya yang terdiri dari kaum

Kewajipan Jihad...

lelaki, sekalipun mereka itu kesemuanya menyerang saya dengan serentak. Begitu pulalah halnya dengan sahabat-sahabat saya itu, lantaran azam dan cita-cita yang tersemat di jiwa kami hanya satu, iaitu “berjihad *fi sabīli Allāh*.” Dalam tugas berjihad itu kami hanya mengharapkan dua kebaikan (kemenangan), sama ada kami beroleh kemenangan menentang kamu, maka beruntunglah kami mendapat harta rampasan dunia, ataupun kamu yang beroleh kemenangan, maka beruntung jualah kami mendapat nikmat syurga di akhirat (dengan sebab kami gugur syahid *fi sabīli Allāh*).”

Hanya dengan adanya semangat ini tertanam di lubuk hati kita orang-orang Islam, baharulah kita dapat meninggikan roh pengorbanan di jalan Allah. Oleh itu perbaharuilah tekad perjuangan kita, tegakkan semangat keislaman kita, tanamkanlah roh pengorbanan kita untuk membela agama Allah dengan menentang musuh-musuh Allah yang telah cuba mencemarkan kesucian rumah Allah, Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis sebagai masjid yang ketiga mengandungi sejarah perjuangan nabi-nabi Islam di zaman silam.

Hadaplah musuh kita orang Yahudi *Zionist* yang telah merampas dan menodai sebahagian besar dari tanah suci Islam hak mutlak kepunyaan orang-orang Islam di bumi Palestin... hadapilah mereka dengan penuh keazaman dan cita-cita bersadurkan keimanan yang teguh, dengan tekad perjuangan yang tak lekang dek panas dan tak luntur dek hujan, perjuangan menentang kezaliman, menentang tindasan, dan menentang pencerobohan kejam yang bertujuan untuk memperkosa orang-orang Muslim dan menghapuskan sinaran Islam di seluruh bumi Palestin yang mempunyai peranan utama di bidang sejarah perkembangan agama Islam di zaman kebangkitan nabi-nabi Islam di zaman

lampau.

Sekarang kewajipan kita berjuang telah tiba, bergerak dan bangkitlah menyusun barisan jihad *fi sabīli Allāh* untuk membela kesucian agama Allah yang telah mulai dinodai oleh musuh-musuh Allah yang durjana. Isytiharkanlah jihad kamu dari sisi *Bayt Allāh al-‘azīm* dengan azam dan tekad yang satu, iaitu membebaskan seluruh bumi Islam Palestin dari cengkaman kuku besi penjajah Yahudi, bangsa yang sentiasa dikutuk dan dilaknat Allah di sepanjang zaman.

Kepada sekalian pemimpin dan penganjur-penganjur Islam kami berseru: “Kotakanlah segala kata-kata berapi mengkobarkan semangat perjuangan, kata-kata sakti mengembeleng roh jihad yang telah kamu ucapkan dari atas podium di hadapan rakyat jelata di dalam rapat-rapat umum yang menggegarkan bumi. Kotakanlah segala kata-kata itu dengan amal perbuatan yang menggoncang barisan musuh. Zaman bercakap telah berlalu, masa berjuang menjelang tiba!”

Penuhilah seruan Allah yang tercatat di kitab suci al-Qur’ān dalam *sūrat al-Anfāl* ayat 24-25:

“*Yā ayyuhā alladhīna āmanū istajībū li Allāhi wa li al-rasūli idhā da’ākum li mā yuhyīkum, wa i’lamū anna Allāha yaḥūlu bayna al-mar’i wa qalbih, wa annahū ilayhi tuḥsharūn.*”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Penuhilah seruan Rasul, apabila Rasul menyeru kepada sesuatu yang memberi kehidupan kepada kamu (seruan jihad untuk menentukan masa depan kamu), dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah mendinging (menguasai) di antara manusia dengan hatinya. Dan peliharalah diri kamu daripada seksaan yang tidak dihaskan (ditentukan) menimpa orang-orang yang zalim sahaja di antara kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras seksa-Nya.”

Lari daripada jihad dalam keadaan negara memerlukannya, bererti melarikan diri dari mahligai kemuliaan mengejar jurang kehinaan.